

25/06/1998

YBK, Cides atasi kemiskinan

Rohaniza Idris

KELANA JAYA, Rabu - Yayasan Basmi Kemiskinan Selangor (YBK) dan Pusat Pengajian Informasi dan Pembangunan (Cides) Indonesia hari ini menandatangani memorandum kerjasama bagi pembasmian kemiskinan serantau.

Memorandum kerjasama itu ditandatangani oleh Pengurus Besar YBK, Mohd Tamin Mohd Yusof, manakala Cides diwakili Penolong Pengerusi bagi Lembaga Pengarahnya, Ricky Rachmady.

Dengan adanya memorandum itu, kedua-dua pihak bersetuju membentuk satu mekanisme kerjasama merangkumi pelbagai perkara, termasuk dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) mengenai pembasmian kemiskinan.

Selain itu, YBK dan Cides juga bersetuju mengadakan kajian perbandingan dalam isu berkaitan kemiskinan sesuai dengan semangat serumpun dan serantau serta bekerjasama melahirkan pengusaha kecil dan sederhana yang mampu berdikari.

Memorandum itu juga turut merangkumi program pertukaran aktivis, penubuhan industri yang memberikan peluang pekerjaan, mengatur aktiviti tukar barang (barter) dan pertukaran tenaga mahir serta pelatih (vokasional dan teknikal).

Di samping itu, kerjasama juga meliputi penyusunan strategi jangka pendek dan panjang dalam usaha mengatasi kemiskinan dan sumbangan kepakaran antara kedua-dua negara dalam pembasmian kemiskinan di semua peringkat.

Turut menyaksikan majlis menandatangani memorandum itu ialah Menteri Koperasi, Pengusaha Kecil dan Menengah Republik Indonesia, Adi Sasano dan Pengerusi YBK, Datuk Zainal Abidin Sakom.

Bercakap kepada pemberita sebelum majlis itu, Adi berkata kerjasama berkenaan adalah antara alternatif awal bagi membebaskan rakyat negaranya daripada belenggu kemiskinan.

"Mekanisme kerjasama ini bertujuan meminta bantuan negara jiran dalam usaha mencari formula pembasmian kemiskinan," katanya.

Beliau menganggap wujud ketidakadilan dalam ekonomi negaranya. Justeru, kerjasama seumpama itu perlu untuk memulihkan semula krisis ekonomi negaranya.

Adi juga berharap kerjasama dan persefahaman yang dibentuk mampu mengukuhkan kedudukan ekonomi Indonesia.

Semalam, Adi bersama Menteri Tenaga Kerja, Fahmi Idris serta 29 usahawan Indonesia mengunjungi Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau dan rombongan berada di negara ini selama dua hari untuk lawatan kerja pertama selepas penubuhan Kabinet baru Indonesia.

(END)